

27 APR 1999

Pemuda-Pensyarah

PEMUDA MANTAU PERKEMBANGAN DI UNIVERSITI AWAM

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan memantau kegiatan sesetengah pentadbir khususnya pensyarah di universiti-universiti awam dalam usaha membendung aktiviti antikerajaan di kampus.

Pengerusi Majlis Kemahasiswaan dan Latihan (MKL) pergerakan itu Zein Isma Ismail hari ini berkata langkah itu perlu kerana wujudnya segelintir pensyarah dan pentadbir universiti yang secara langsung terlibat dalam gerakan antikerajaan.

"Kita mendesak mereka yang didapati terlibat secara langsung, khususnya pensyarah, dalam gerakan menanam semangat antikerajaan di kalangan pelajar universiti supaya dikenakan tindakan tegas," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pertama majlis itu di sini.

Zein Isma berkata mereka yang berkenaan perlu menyedari tanggungjawab mereka yang sebenar dalam mendidik anak bangsa selain daripada hakikat bahawa ada di antara mereka yang menerima pembiayaan pengajian dan ganjaran daripada kerajaan.

Baru-baru ini, beberapa pensyarah dan pelajar institusi pengajian tinggi tempatan dikenal pasti terlibat dalam perhimpunan haram yang bertukar ganas berikutan keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara enam tahun terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didapati bersalah atas empat tuduhan rasuah.

Selain itu, Pemuda juga akan mengadakan Gerak Mesra Mahasiswa di kesemua universiti awam bertujuan mengeratkan hubungan antara pergerakan itu dengan seluruh warga kampus.

Zein Isma berkata ia akan membuka ruang untuk perbincangan dua hala mengenai perkembangan semasa selain membolehkan Pemuda memberi penjelasan terhadap salah tanggapan yang wujud akibat dakwah parti pembangkang.

Beliau juga berkata satu perhimpunan 1,600 pemimpin Pemuda bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diadakan 1 Jun ini bertujuan meningkatkan semangat perjuangan pergerakan itu.

Di KOTA BAHARU, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata badan itu akan mengenal pasti guru-guru yang menentang kerajaan berikutan timbulnya beberapa isu dalam negara.

Katanya walaupun maklumat yang diterima menunjukkan pembabitan guru dalam kegiatan itu masih dalam jumlah kecil tetapi ia perlu dibendung segera demi kepentingan rakyat.

Annuar, Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata mereka menentang kerajaan kerana menerima maklumat salah yang berunsur fitnah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab selain tidak memahami sepenuhnya dasar-dasar kerajaan.

Beliau berkata guru-guru yang dikenal pasti terbabit itu akan diberi penjelasan termasuk melalui seminar, kursus dan dialog.

-- BERNAMA

MAM BD NMO